

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HSM 317 – Seminar Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan.

1. Sebelum Pendudukan Jepun (1942-1945) berbagai-bagai bentuk pertubuhan buruh telah diwujudkan. Bincangkan faktor-faktor pendorong yang menggalakkan perkembangannya.
2. Pencetusan mogok-mogok buruh Cina di lading-ladang getah pada awal tahun 1937 merupakan fenomena yang berpunca daripada perubahan mentaliti kaum buruh dan masalah penindasan sistem kontraktor. Bincangkan.
3. Berdasarkan kepada tuntutan-tuntutan yang dimajukan kepada pihak majikan pada tahun 1941, apakah isu-isu utama yang sebenarnya diperjuangkan oleh pemogok-pemogok India?
4. Bincangkan bagaimanakah dari segi struktur dan organisasi, kepimpinan dan perlaksanaan, Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya telah muncul sebagai pertubuhan buruh yang begitu popular di kalangan kaum buruh di antara 1945 dan 1948?

5. Penggubalan dan perlaksanaan undang-undang perburuhan pada tahun 1945 sehingga 1948 adalah bertujuan mempersempitkan lingkungan pergerakan buruh. Bincangkan implikasi-implikasi perlaksanaan undang-undang itu ke atas kegiatan Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya.
6. Apakah perkembangan-perkembangan yang muncul semasa Darurat (1948-1957) mengenai hal perburuhan dan kesatuan sekerja?
7. Apakah syarat-syarat utama yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan apakah objektif-objektif pihak kerajaan yang melaksanakannya?